

12/11/2003

Kakitangan awam perlu kemas kini prosedur kerja

Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu kakitangan awam memperbaiki dan memperkemas lagi prosedur kerja bagi memastikan pentadbiran negara berjalan lancar dan rakyat menikmati perkhidmatan berkesan.

"Kita perlu menyiapkan diri dari segi ketekunan, iltizam, kemampuan dan kebolehan dengan menambah pengetahuan dan hal berkaitan kerja kita.

"Ini bermakna, sumber manusia, kelengkapan dan prosedur perlu ditingkatkan sepanjang masa," kata Perdana Menteri ketika berucap pada perhimpunan bulanan Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Abdullah yang dilantik sebagai Perdana Menteri kelima pada 31 Oktober lalu, turut memegang jawatan Menteri Kewangan. Ini kali pertama beliau menghadiri perjumpaan bulanan dengan kakitangan kementerian sejak mengambil alih jawatan itu.

Hadir sama, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis; Timbalan Menteri Kewangan Pertama, Datuk Dr Shafie Salleh; Timbalan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Ng Yen Yen; Setiausaha Parlimen kementerian, Hashim Ismail dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Samsudin Hitam.

Abdullah berkata, kakitangan Kementerian Kewangan pula perlu memastikan sistem kewangan negara diuruskan dengan baik dan cekap kerana ia akan menentukan kredibiliti Perbendaharaan dan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, sistem kewangan yang cekap memberi keyakinan kepada semua pihak termasuk pelabur dan rakyat.

"Kesihatan ekonomi negara banyak bergantung kepada cara kita menguruskan sistem kewangan dengan berhati-hati," katanya.

Pada masa sama, beliau meminta rakyat mempertahankan kejayaan yang diwarisi daripada pemimpin terdahulu dan bekerjasama mencapai kecemerlangan pada masa depan.

Sambil mengiktiraf sumbangan Tun Dr Mahathir Mohamad sepanjang 22 tahun lalu, Perdana Menteri berkata, semua rakyat bertanggungjawab menguruskan apa yang ditinggalkan dengan baik dan bertanggungjawab.

"Kita mahu kejayaan yang diperoleh tidak menurun, tidak hilang dan terhakis. Apa yang kita terima, kita pegang dengan baik supaya tidak tercalar, tidak hilang.

"Adalah penting untuk menokok tambah supaya yang dikejar boleh dicapai dan yang dikelek tidak tercalar. Inilah maknanya kita bekerja mencapai cita-cita yang ditetapkan iaitu mencapai Wawasan 2020," katanya.

Perdana Menteri berkata, usaha juga harus ditumpukan bagi membawa negara ke tahap lebih tinggi.

"Kalau kita sudah berjaya, kita mahu menjadi cemerlang. Kalau sudah cemerlang, kita mahu jadi gemilang. Apabila sudah menjadi gemilang kita mahu jadi terbilang," katanya.

"Kita akan menjadikan hasrat negara untuk maju sebagai kenyataan sebelum 2020. Ini bergantung kepada kita," katanya.